

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2025

Tingkatan 5

BAHASA MELAYU

Peraturan Pemarkahan

Kertas 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN A: KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN

[30 Markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	SKOR MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p>28 – 30 markah (Cemerlang tinggi)</p> <p>26 – 30 markah</p> <p>26 – 27 markah (Cemerlang bawah)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan • Huraian jelas dan matang. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur Bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan *ungkapan menarik* yang sesuai dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai. <p>*Ungkapan menarik: perbahasa,pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain*</p>
Kepujian	<p>23 – 25 markah (Kepujian atas)</p> <p>20 -25 markah</p> <p>20 -22 markah (Kepujian bawah)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan • Huraian jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat • Penggunaan kosa kata luas • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi

		<ul style="list-style-type: none"> • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan • Wacana lengkap • Pemerengganan sesuai.
Memuaskan	<p>17 - 19 markah (Memuaskan atas)</p> <p>15 - 19 markah</p> <p>15 - 16 markah (Memuaskan bawah)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. • Huraian masih jelas. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas • Unsur Bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan. • Wacana masih lengkap. • Pemerengganan masih sesuai.
Penguasaan minimum	<p>12 – 14 (Penguasaan minimum atas)</p> <p>10 - 14 markah</p> <p>10 - 11 markah ((Penguasaan minimum bawah)</p>	<p>Tema/Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. • Huraian kurang jelas.

		<p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none">• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat.• Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.• Penggunaan kosa kata terhad.• Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi.• Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none">• Pengolahan kurang menarik.• Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan.• Wacana kurang lengkap.• Pemerengganan kurang sesuai.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	6 – 9 markah (TMTPM atas) 1- 9 markah 1 – 5 markah (TMTPM bawah)	<ul style="list-style-type: none">• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis• Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan.• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

SOALAN BAHAGIAN A (30 Markah)

1. Format penulisan komen

T – menepati tema

I – relevan, huraihan jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P -sangat menarik dan berkesan

Karangan cemerlang
26 – 30 markah

Maklumat di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kelebihan-kelebihan perbelanjaan tanpa tunai dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraihan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan perbelanjaan tanpa tunai.

2. Kehendak/ tugasannya soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan kelebihan-kelebihan perbelanjaan tanpa tunai.
 - tidak perlu membawa wang tunai yang banyak
 - menjimatkan masa pengguna
 - ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain kelebihan-kelebihan/kebaikan-kebaikan/manfaat-manfaat/faedah-faedah/kepentingan-kepentingan perbelanjaan tanpa tunai – diterima dan semak seperti biasa.
 - iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan (beri idea sendiri tetapi masih berkaitan dengan tugasannya) – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
 - v. Calon yang menulis melebihi **210 patah perkataan** atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan** – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

BAHAGIAN B: KARANGAN RESPON TERBUKA

[70 markah]

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatis – kata (morfologi), ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> • Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/bahasan/hujahan/contoh) • Kerelevan
3. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerengganan • Laras/Format
4. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MAKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 - 70 68 – 70 Cemerlang atas 64 – 67 Cemerlang bawah	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

KEPUJIAN	55 -63 59 -63 Kepujian tinggi 55 – 58 Kepujian bawah	Tugasan <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugas Idea <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas • Huraian masih jelas • Contoh masih sesuai Bahasa <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45 - 54 50 -54 Baik tinggi 45 -49 Baik rendah	Tugasan <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugas Idea <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas • Huraian masih jelas • Contoh masih sesuai Bahasa <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan kosa kata umum • Ejaan dan tanda baca masih betul • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan

		<p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Pemerengganan masih sesuai. • Wacana masih lengkap • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan.
MEMUASKAN	35 – 44 40 – 44 Memuaskan atas 35 – 39 Memuaskan bawah	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih/kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerengganan kurang sesuai. • Wacana masih/kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan.
PENCAPAIAN MINIMUM	21 – 34 28 – 34 (PMT) 21 -27 (PMR)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan/bercampur aduk • Huraian tidak jelas/tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan Ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.

		Pengolahan <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerengganan tidak sesuai. • Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPIAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM	1 – 20 (11 – 20) 1 – 10	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami. • Idea tidak relevan/bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang serta contoh tidak sesuai • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik • Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang • Wacana tidak lengkap.

- **Pemeriksa hendaklah memberi komen pada karangan yang diperiksa.**

3.0 Cara menanda kesalahan isi/ejaan dan tanda baca:

- () = kesalahan isi
- _____ = Kesalahan Bahasa,rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan berulang
-  = Kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen

T – menepati tema

I – relevan, huraihan jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P -sangat menarik dan berkesan

Soalan 1 (ARAS RENDAH)

Semangat patriotisme penting untuk mewujudkan negara bangsa yang bersatu padu dalam kepelbagaiannya bangsa, kaum, agama dan latar belakang. Oleh itu, usaha memupuk semangat patriotisme sejak dari sekolah perlu dilaksanakan untuk memastikan generasi muda mempunyai semangat cinta akan negara yang teguh. Selain itu, ibu bapa memainkan peranan memupuk semangat patriotik dalam sanubari anak-anak. Kerajaan juga perlu menjalankan kempen besar-besaran melalui media massa.

.

Sumber: www.bharian.com.

Berdasarkan petikan tersebut, huraihan usaha memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.

Kehendak/ tugasannya soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan usaha memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi muda seperti yang terdapat dalam petikan.
 - i. *memupuk semangat patriotik sejak dari sekolah*
 - ii. *ibu bapa memainkan peranan memupuk semangat patriotik dalam sanubari anak-anak.*
 - iii. *kerajaan menjalankan kempen besar-besaran melalui media massa.*

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea lain – periksa seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**
4. Calon yang menulis melebihi 510 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
5. Calon menulis **kurang daripada 350 patah perkataan** – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Soalan 2 (ARAS RENDAH)

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyalurkan bantuan kepada koperasi sekolah di Malaysia untuk membantu koperasi dapat berkembang dengan baik. Menterinya, Datuk Ewon Benedict mengatakan bahawa melalui koperasi dapat mengasah bakat keusahawanan dalam kalangan murid, menyumbangkan dana untuk pembangunan sekolah dan memudahkan warga sekolah bagi mendapatkan barang dan perkhidmatan. Oleh itu, pihak pentadbir dan pengurusan koperasi sekolah hendaklah berusaha memajukan koperasi sekolah.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kebaikan koperasi sekolah kepada pelajar dan warga sekolah

Kehendak/ tugasannya:

1. Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan/manfaat/kepentingan/faedah koperasi kepada pelajar dan warga sekolah
 - *mengasah bakat keusahawanan dalam kalangan murid*
 - *menyumbangkan dana untuk pembangunan sekolah.*
 - *memudahkan warga sekolah mendapatkan barang dan perkhidmatan*

Kemungkinan jawapan:

2. Calon menghuraikan **semua idea** dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan cara/usaha mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan – terima seperti biasa.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
5. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**
6. Calon yang menulis melebihi 510 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir -maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
7. Calon menulis **kurang daripada 350 patah perkataan** – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Soalan 3 (ARAS SEDERHANA)

Trend ‘healing’ atau rehat minda melalui aktiviti melancong semakin popular sama ada dilakukan secara individu ataupun bersama-sama keluarga. Namun begitu, masih ada yang menganggap melancong hanyalah sesuatu yang membuang masa dan wang semata-mata untuk berseronok. Melancong sebenarnya mempunyai pelbagai manfaat seperti menghilangkan stres.

Sumber: Internet

Huraikan kebaikan melancong berdasarkan petikan berserta kebaikan-kebaikan lain.

Kehendak/ tugasan soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan melancong berdasarkan petikan:

- menghilangkan stres

Cadangan idea lain

- menambahkan ilmu pengetahuan
- mengeratkan hubungan keluarga

(Terima idea lain yang sesuai dengan tugasan)

Kemungkinan jawapan:

2. Calon menghuraikan idea-idea lain tanpa menghuraikan idea dalam petikan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon yang menulis melebihi 510 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menulis **kurang daripada 350 patah perkataan** – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Soalan 4 (ARAS TINGGI)

Sektor penternakan merupakan salah satu sektor penting yang mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia kerana sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk dunia. Namun begitu, ramai dalam kalangan masyarakat kita terutamanya golongan muda masih tidak berminat untuk menceburkan diri dalam sektor ini, padahal sektor ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Kemajuan Sektor Penternakan di Malaysia”,
Oleh M.Anem, animcrag.blogspot.com

Sebagai respons pernyataan tersebut, huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat golongan muda menceburji bidang penternakan.

Kehendak/ tugasannya soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah /cara-cara/prakarsa-prakarsa menarik minat golongan muda menceburji bidang penternakan.
2. Calon yang menulis melebihi **510 patah perkataan** atau hingga ayat itu berakhir -maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menulis **kurang daripada 350 patah perkataan** – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
4. **Jika calon menulis dalam bentuk poin** – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

TAMAT